



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2021**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU**

1103/1

**Kertas 1
November 2021**

PERATURAN PEMARKAHAN

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

NAMA PEMERIKSA	:	
NAMA SEKOLAH	:	
TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN	:	
TARIKH	:	
COP SEKOLAH	:	

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Cadangan Jawapan**Soalan 1**

Pandemik COVID-19 bukan sahaja telah mengubah landskap global malah turut menjelaskan ekonomi negara serta meninggalkan kesan mendalam bagi kehidupan masyarakat di Malaysia. Situasi ini amat merisaukan terutamanya kepada mereka yang terjejas sumber pendapatan akibat pengurangan gaji atau pemberhentian kerja. Pengetahuan kewangan yang dimiliki individu membantu menguruskan kewangan masing-masing dengan lebih baik pada waktu sukar ini

Sumber: Berita Harian *Online*. 25 September 2020

Petikan di atas menyatakan bahawa pengurusan kewangan yang sistematik sangat penting dalam situasi pandemik COVID-19. Lantaran itu, setiap individu perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menguruskan kewangan yang bijak.

Bincangkan langkah-langkah tersebut.

Format: Tiada

Tugasan soalan

1. Diharapkan calon dapat menghuraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh setiap individu untuk mengendalikan pengurusan kewangan yang bijak.

Pendahuluan

- Dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19, ekonomi negara bukan sahaja terjejas malah setiap individu atau masyarakat turut mengalami kesan yang mendalam kerana terjejas sumber pendapatan akibat pengurangan gaji atau pemberhentian kerja.
- Oleh hal yang demikian, setiap individu perlulah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menguruskan kewangan dengan bijak.

Cadangan Idea:

1. Berjimat cermat / hidup bersederhana
 - Berbelanja mengikut keperluan bukannya mengikut kehendak
 - Membuat perancangan / bajet bulanan / membuat perbandingan harga barang
 - Menjimatkan penggunaan tenaga elektrik / air
 - Memasak sendiri / membawa bekal
2. Mengambah /menjana pendapatan / Bekerja secara sambilan
 - Mengambil upah atas perkhidmatan
 - Membuat projek jualan pada hujung minggu / semasa cuti sekolah

- Membuat projek bercucuk tanam untuk keperluan sendiri . keluarga

3. Menabung

- Tidak membelanjakan menyimpan sebahagian wang saku yang diterima
- Menyimpan sebahagian pendapatan dalam tabung / bank
- Menggalakkan ibu bapa membuat simpanan jangka panjang / perlindungan (insurans)

Penutup

Krisis pandemik COVID-19 menuntut semua pihak termasuk individu untuk melakukan pengubahsuaian dalam cara hidup termasuklah dalam menguruskan kewangan.

Soalan 2

Penyelidik dan Pakar Sosiologi, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Nur Hafeeza Ahmad Pazil berpendapat bahawa pemilihan sahabat sangat penting bagi pembentukan sahsiah diri. Beliau turut menyatakan bahawa kejujuran dalam persahabatan dan sentiasa berfikiran terbuka juga antara elemen utama dalam pemilihan sahabat. Namun begitu, remaja pada hari ini didapati sukar untuk memilih sahabat yang baik.

Sumber: Berita Harian *Online* 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa sahabat amat penting dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, setiap individu perlu bijak memilih sahabat agar tidak terlibat dengan perkara-perkara yang negatif.

Huraikan ciri-ciri sahabat pilihan anda.

Cadangan Idea

(Format : Tiada)

Tugasan: Huraikan ciri-ciri sahabat pilihan

Pendahuluan:

- Setiap individu di dunia ini pastinya memiliki sahabat atau pun rakan dalam kehidupan
- Sahabat ialah mereka yang sedia berkongsi cerita suka dan duka

- Memilih sahabat yang baik amat penting untuk memastikan beroleh ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup

Isi/Idea:

(Ciri-ciri sahabat pilihan)

- Jujur dalam persahabatan- sudi memberikan teguran dan kritikan membina jika ada kesilapan.
- Sentiasa membantu ketika dalam kesusahan – masalah pelajaran, peribadi dll.
- Menunjukkan teladan yang baik – sentiasa membimbang ke arah kebaikan.
- Seorang yang setiakawan – sentiasa bersama-sama sama ada dalam situasi senang atau sukar.
- Bersikap jujur, boleh menyimpan rahsia dan menganggap sahabatnya seperti darah dagingnya sendiri
- Berakhhlak mulia – memiliki nilai-nilai peribadi yang luhur – sentiasa berfikiran terbuka
- Berprinsip dan teguh jati diri - tidak mudah terjebak ke dalam angkara yang memudaratkan – ampuh bertahan daripada segala anasir yang tidak baik

Penutup:

-Seorang sahabat semestinya memiliki sifat-sifat yang terpuji untuk diikuti dan dicontohi.

-Sahabat boleh membahagiakan kita untuk menempuh kehidupan di dunia ini dan juga membantu kita di akhirat kelak.

-Beberapa ciri perlu dipertimbangkan dalam memilih sahabat yang baik

- Oleh sebab itu, kita wajar dan harus berhati-hati untuk menjadikan seseorang itu sebagai sahabat.

SOALAN 3

Dalam tempoh 64 tahun negara mencapai kemerdekaan, Malaysia telah melalui beberapa cabaran hebat dalam isu perpaduan kaum hingga melibatkan pertumpahan darah dan kehilangan nyawa, iaitu tragedi 13 Mei 1969. Peristiwa tersebut memberikan pengajaran kepada rakyat di negara ini agar menitikberatkan aspek perpaduan dan membelakangkan kepentingan kaum masing-masing. Sebarang isu kaum perlu diselesaikan dengan semangat bermusyawarah demi kepentingan bersama.

Sumber: Utusan Malaysia, 30 Ogos 2021

Petikan akhbar di atas, menyatakan bahawa pelbagai cabaran dihadapi oleh rakyat Malaysia dalam memupuk perpaduan kaum. Bagi mengelakkan sebarang konflik, setiap rakyat perlu menyedari bahawa pentingnya perpaduan kaum. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menyediakan sebuah rencana yang bertajuk, "Kepentingan Perpaduan Kaum di Malaysia".

Sediakan rencana tersebut selengkapnya.

Cadangan Jawapan

Format : Rencana

Tugasan soalan

1. Diharapkan calon dapat menerangkan Kepentingan Perpaduan Kaum di Malaysia.

Pendahuluan

Calon menulis karangan format rencana – (Tajuk dan Nama penulis)

Cadangan idea:

1. Mengelakkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama
 - Setiap kaum akan berusaha mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan
 - Setiap warganegara hendaklah menghayati prinsip kesopanan dan kesusilaan dalam Rukun Negara
 - Setiap rakyat saling menghormati antara satu sama lain
2. Mengekalkan kestabilan politik
 - Para pemimpin parti politik tidak akan menimbulkan prasangka dan persengketaan yang menyentuh sensitiviti mana-mana kaum.
 - Memupuk rasa tanggungjawab dan kekitaan untuk sama-sama memelihara maruah dan imej negara
 - Menjaga kedaulatan dan negara daripada serangan musuh negara
3. Mengukuhkan ekonomi
 - Perpaduan dalam kalangan rakyat akan mewujudkan negara yang aman dan damai.
 - Ketenteraman dan kesejahteraan berupaya menarik kehadiran pelabur asing.
 - Rakyat lebih jelas dengan visi negara dan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing demi kemajuan negara.

Penutup

Merumuskan kepentingan perpaduan kaum di Malaysia

SOALAN 4

Perkembangan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah berjaya menginjak tamadun dunia kepada situasi yang lebih kompetitif. Bidang ini telah mewajarkan manusia mencapai pelbagai kemajuan lebih-lebih lagi dalam bidang ilmu pengetahuan dan maklumat yang paling canggih. Pelbagai teknologi telah dimanfaatkan oleh guru dan murid di sekolah agar ilmu dan kemahiran dapat dijana.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan bahawa perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) membawa pelbagai kebaikan kepada semua pihak. Oleh itu, guru dan murid sewajarnya mengambil peluang untuk menguasai kemahiran TMK.

Huraikan kebaikan menguasai kemahiran tersebut.

Cadangan Idea

(Format : Tiada)

Tugasan: Jelaskan kebaikan menguasai kemahiran TMK kepada pelajar.

Pendahuluan:

- Bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK) telah berjaya menginjak tamadun dunia kepada situasi yang lebih kompetitif
- Kewujudan TMK dapat membantu dalam sistem pengajaran dan pembelajaran setiap individu khususnya kepada pelajar.
- Pelbagai manfaat akan diperoleh jika pelajar menguasai kemahiran TMK.

Idea/Isi:

- Meningkatkan pengetahuan am - dengan perkembangan teknologi maklumat seperti media sosial, maklumat berada di hujung jari – membantu melahirkan remaja yang berpengetahuan luas.
- Memperkasa kemahiran diri pelajar – dapat mempelajari kemahiran di luar bilik darjah seperti kemahiran komunikasi dan pembawaan imej diri melalui You Tube
- Memudahkan komunikasi tanpa mengira batasan waktu dan tempat – berkongsi maklumat tentang pelbagai ilmu pengetahuan.

- Menjana pendapatan sampingan- melalui perkongsian pelbagai perkara di You Tube atau menerusi perniagaan dalam talian.
- Mempercepat atau memudahkan tugas pelajar - Semua kerja dapat dijalankan dengan cepat, tepat serta dengan kesilapan yang amat minimum.
- Meningkatkan mutu/kualiti pendidikan – pelbagai aplikasi digunakan oleh pelajar ketika berinteraksi dengan guru secara maya.
- Meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi pelajar.
- Membolehkan pembelajaran bersendiri (*individualistic learning*)
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar
- Meningkatkan motivasi pelajar
- Memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua pelajar yang mempunyai pelbagai keupayaan.

Penutup:

- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi banyak mendatangkan pelbagai kebaikan kepada pelajar.
- Pelajar haruslah memanfaatkan penggunaan Internet ke arah kebaikan kerana semua maklumat berada di hujung jari.
- Dalam era permodenan ini, setiap individu yang menguasai kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi tidak akan terpinggir daripada arus kemajuan.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT